



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK
Aras 16 & 17
Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah
Lorong P. Ramlee Off Jalan P. Ramlee
93400 Kuching Sarawak

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL : 082507214 FAKS : 082507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL : 082507215 FAKS : 082507241

TALIAN AM
TEL : 082507251/507250 FAKS : 082507254



SARAWAK MAJU MAKMUR
1963-2023

Rujukan kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (21)
Tarikh : 26 September 2023

SEMUA PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN (JKP) MASJID DAN SURAU SELURUH SARAWAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 5/2023: PEMAKLUMAN SEGERA KEPADA MAJLIS ISLAM SARAWAK SEKIRANYA ADA PERMOHONAN DAN MENDAPATI BUKU SUHUF ABRAHAM DI MASJID DAN SURAU SARAWAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid dan Surau-Majlis Islam Sarawak Kali Ke-73 Bil.7/2023 pada 18 September 2023 telah mengambil maklum berkenaan edaran bahan penerbitan dan bacaan yang meragukan yang berkaitan dengan penyebaran ajaran Millah Abraham @ Ibrahim di masjid-masjid di Semenanjung Malaysia.

3. Sehubungan itu, semua Jawatankuasa Pengurusan (JKP) Masjid dan Surau hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Majlis Islam Sarawak melalui Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing sekiranya terdapat apa-apa permohonan untuk meletakkan sebarang bentuk bahan publisiti, cetakan dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan dan fahaman Millah Abraham @ Ibrahim di Masjid dan Surau atau mendapati buku-buku ini diletakkan di masjid-masjid dan surau-surau untuk makluman dan tindakan pihak kami selanjutnya.

4. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"PEMACU KECERMELANGAN UMMAH"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

(USTAZ HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)

Setiausaha
Majlis Islam Sarawak

s.k: 1. Semua Pegawai Agama Islam Bahagian – Mohon kerjasama pihak tuan untuk mengemukakan Pekeliling ini kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau di Bahagian masing-masing.

2. Bahagian Penguatkuasaan Syariah, JAIS

3. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAIS